

06/08/1999

Tidak semua golongan muda anti-BN: Abdullah

KUALA LUMPUR, Khamis - Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi hari ini menegur sesetengah pihak supaya jangan membuat andaian kononnya golongan muda dan pengundi baru adalah mereka yang memang anti-Barisan Nasional (BN).

Sebaliknya, Timbalan Perdana Menteri berkata, ramai belia yang menyokong kuat BN dan sebab itu juga keahlian mereka dalam Pemuda Umno serta parti komponen BN lain semakin meningkat.

"Kita tak boleh terima andaian bahawa kerana ada pengundi baru, mereka yang kali pertama mengundi, akan mengundi parti lain (pembangkang). Mana tahu? Itu cuma andaian berikutan tindakan pelajar atau golongan muda membuat pelbagai komen yang nampaknya menentang kerajaan.

"Tidak semestinya mereka itu mewakili semua orang muda. Banyak orang muda yang menyokong BN. Kalau tidak bagaimana keanggotaan Pemuda Umno makin bertambah. Oleh itu, tidak bermakna setiap orang muda atau majoriti golongan muda mengundi menentang kita (BN)," katanya selepas mempengerusikan Mesyuarat Jawatankuasa Sambutan Ulang Tahun ke-25 BN, di sini hari ini.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas dakwaan Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor semalam bahawa Pas yakin pilihan raya umum diadakan tahun ini kerana mendakwa BN tidak berani menghadapi 700,000 pengundi baru yang menyokong barisan parti alternatif.

Abdullah yang juga Naib Presiden Umno dan menjalankan tugas-tugas Timbalan Presiden parti berkata, beliau sendiri tahu dengan pasti bahawa memang ramai pemimpin muda yang begitu menyokong BN.

"Mungkin mereka ini tidak membuat bising sangat, tidak memberi ucapan, mereka tidak mempunyai hompej sendiri dan tidak membuat pelbagai cerita karut menggunakan komputer (Internet) dengan melemparkan tuduhan-tuduhan terhadap kerajaan.

"Golongan ini tidak berbuat demikian tetapi sokongan mereka kepada kami (BN) kekal mantap. Saya sedar ramai mereka termasuk pelajar di kampus, tetapi tidak semua pelajar di kampus menentang kerajaan," katanya.

Ditanya sama ada kerajaan BN bimbang mengenai unsur-unsur kemunculan golongan muda terutama menjelang pilihan raya umum akan datang, beliau berkata perkara itu tidak timbul.

"Kami tidak bimbang. Kita mempunyai Pemuda (Umno) dan Wanita ... yang jumlah wanita muda juga agak besar. Malah parti komponen BN pun ramai (ahlinya) terdiri daripada golongan muda.

"Kita akan terus memberi penjelasan mengenai pendirian BN terhadap orang muda. Saya yakin, mereka akan memahaminya," katanya.

Sementara itu, Abdullah berkata, perayaan Jubli Perak BN yang akan diadakan tahun ini bertujuan memperingati penubuhan 25 tahun BN yang membawa banyak perubahan serta kemajuan kepada negara.

Bagaimanapun, katanya, perayaan itu yang tarikh, tema dan tempatnya akan ditetapkan sendiri oleh Perdana Menteri yang juga Pengerusi BN, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, tiada kena-mengena dengan musim pilihan raya umum.

Katanya, jika perayaan itu diadakan pada masa rakyat sibuk bercakap mengenai pilihan raya umum, itu adalah satu kebetulan.

(END)